

## JURANG ANTARA GENERASI

Sesebuah generasi menggambarkan keadaan atau situasi, di mana setiap individu mempunyai pengalaman hidup yang dilalui, dapat menggambarkan siapa diri kita dan bagaimana kita melihat dunia dari kacamata sendiri dan setiap generasi mempunyai personaliti tersendiri (*Lynn Lancaster and David Stillman, When Generation Collide*). ; Setiap generasi mempunyai kepercayaan, nilai; budaya; perspektif; kegemaran; apa yang tidak digemari; dan kemahiran/ trait personaliti terhadap kehidupan dan pekerjaan.

Walaupun terdapat perbezaan atau jurang antara ciri-ciri bagi setiap generasi, namun senario ini tidak menjadi halangan untuk mencapai kesepaduan antara generasi demi mengecapi kejayaan bersama-sama. Sebagai contoh dalam sesebuah organisasi yang berjaya, gabungan idea dan pandangan antara generasi iaitu di kalangan pekerja dan majikan membolehkan sesebuah organisasi mengecapi kecemerlangan seperti yang disasarkan. Usaha untuk memahami perbezaan antara generasi berupaya memberikan implikasi terhadap komunikasi yang lebih berkesan; memupuk motivasi dalam diri; meningkatkan produktiviti dan kerjasama berkumpul; serta meningkatkan kesetiaan pekerja terhadap pekerjaan sekaligus mengurangkan kecenderungan pekerja untuk kerap bertukar pekerjaan.

Tiga kategori generasi yang sering diperkatakan adalah generasi X, generasi Y dan generasi *Baby Boomers*. Beberapa ciri perbezaan bagi ketiga-tiga generasi tersebut adalah seperti dalam jadual yang disertakan seperti berikut :-

Generasi/ Ciri-ciri	Generasi X	Generasi Y	Generasi Baby Boomers
Kepimpinan	Kecekapan	Bersama-sama	Majoriti
Perhubungan	Enggan komitmen	Merangkumi semua	Kepuasan diri sendiri
Kuasa	Tidak tertarik	Sopan	Benci/suka
Pandangan	Skeptikal	Berharap	Optimistik
Etika kerja	Seimbang	Menetapkan	Terarah

Sumber : *Managing Generation Y, Asia Bigwave Sdn. Bhd*

Perbezaan atau jurang bagi ciri-ciri antara generasi seharusnya dijadikan kekuatan dalam usaha mencapai kejayaan dan kemajuan bersama, sama ada dalam aspek ekonomi, politik, sosial dan sebagainya memandangkan setiap generasi adalah saling menguat antara satu sama lain, bak kata pepatah Melayu, "Bersatu teguh, bercerai roboh".

Oleh: Shahhanim Yahya

“Jika anda mahu membuat sesuatu, anda akan cari jalan. Jika anda tidak mahu membuat sesuatu, anda akan cari alasan.”  
- Peribahasa Arab -

# Bajet 2012: Sejauh Manakah Kesediaan Generasi Belia?

Pembentangan Bajet 2012 yang telah dibentangkan pada 7 Oktober 2011 lalu menerima pelbagai reaksi daripada segenap lapisan masyarakat. Antara isu yang menjadi tumpuan dan perbincangan hangat di kalangan generasi belia ialah isu pemilikan rumah. Bajet 2012 telah membentangkan peningkatan had maksimum harga rumah bagi Program Skim Rumah Pertamaku iaitu daripada RM220,000 kepada RM400,000 serta perluasan Skim Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA) ke kawasan luar Lembah Klang.

Pemilihan isu pemilikan rumah di kalangan generasi muda dibangkitkan dalam penulisan ini adalah ekoran daripada hasil penemuan kajian yang telah dijalankan pada tahun 2011 oleh Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IPPB). Dalam 'Kajian Tinjauan Umum Mengenai Senarai Hasrat Hati, Harapan & Bebanan Hidup Generasi Belia Kelompok Usia 21 Tahun Hingga 40 Tahun' mendapati bahawa 86 peratus daripada 903 orang responden belia yang berusia 26 tahun hingga 30 tahun masih belum memiliki rumah sendiri. Malahan di kalangan 174 responden (58 peratus) dalam lingkungan umur 31 tahun hingga 35 tahun masih tidak mempunyai rumah sebagai aset dan pelaburan pada masa depan.

Generasi belia menerima baik komitmen kerajaan dalam usaha membantu golongan muda. Namun peningkatan had maksimum harga rumah ini memberi

cabaran yang lain pula kepada generasi belia. Antara cabaran tersebut ialah sama ada belia berkemampuan ataupun tidak untuk memiliki rumah yang berharga di luar kemampuan / di luar kelayakan pinjaman. Hakikatnya, secara purata umur belia dalam lingkungan 26 tahun hingga 30 tahun tanpa mengira sektor awam mahupun swasta mempunyai tangga gaji biasa iaitu daripada RM2,500 hingga RM5,000 sahaja. Walhal, sekiranya harga rumah mencecah sehingga RM400,000, ia memerlukan kelayakan pendapatan setidak-tidaknya RM6,000 ke atas dengan anggaran minimum pembiayaan RM2,500 dan ke atas bagi tempoh 25 tahun ke 30 tahun melalui pinjaman dengan institusi perbankan di Malaysia.

Oleh yang demikian, generasi belia sendiri perlu berazam dan berdisiplin dalam membuat simpanan kewangan mulai saat ini. Langkah tersebut dapat membantu belia dalam mencapai hasrat kerajaan bagi tujuan pemilikan rumah 100 peratus di kalangan generasi belia. Namun sejauh manakah disiplin dan persediaan golongan belia kita dalam hal ini? Terutama sekali apabila terdapat godaan seperti jualan hebat, jualan mega dan apa juga istilah menggalakkan untuk 'bershopping' demi memenuhi kehendak yang semakin tiada batasan berbanding membuat simpanan setiap bulan di institusi perbankan.

Ini tidak termasuk lagi dengan perbelanjaan harian yang diberi jaminan

oleh kerajaan 'barang tidak akan naik dan akan sentiasa dipantau sekali pun penjawat awam mendapat imbuhan' seperti mana yang dibentangkan menerusi Bajet 2012. Namun apa yang nyata, belum pun sempat bonus penjawat awam diberikan, harga ayam naik, harga makanan mahal dan bermacam-macam aduan berhubung kenaikan harga barang yang timbul.

Inilah cabaran kepada generasi belia untuk 'berada di tempat yang selesa sewaktu usia muda dan mewah melewati usia tua'. Perkara yang dibimbangkan adalah berlakunya ketirisan integriti sementara mereka menginjak ke usia dewasa kelak. Ini berlaku sekiranya mereka sukar untuk mendapatkan apa yang mereka hajati kini dengan cara biasa dan tidak mustahil mereka akan terjebak dalam gejala rasuah dan penyelewengan.

Walaupun begitu, kita sebagai generasi muda menuju ke arah minda kelas pertama sewajarnya membuat pertimbangan yang rasional sesuai dengan apa yang kita miliki. Bak kata pepatah Inggeris 'live within your means' yang memberi erti berbelanja mengikut kemampuan. Kompetensi untuk membuat penilaian dan keputusan yang tepat inilah yang sebenar-benarnya menunjukkan kematangan seseorang individu bergelar belia.

Oleh: Shariffah Mamat

## Belia- Skim Rumah Pertamaku

Skim Rumah Pertamaku (SRP) merupakan inisiatif Kerajaan yang telah diumumkan dalam bajet 2012 oleh YAB Dato' Seri Najib Razak, Perdana Menteri Malaysia pada 7 Oktober 2011 yang lalu. Setelah sekian lama, umum mengharapkan sesuatu kelainan daripada pengumuman berhubung dengan Pembentangan Bajet tersebut. Jangkaan dan harapan belia tentulah suatu peruntukan yang akan menyumbang secara peribadi. Namun pengumuman berkenaan dengan Skim ini sedikit sebanyak mengalihkan fikiran yang bersifat pentingkan diri sendiri.

Secara amnya, golongan yang layak untuk menikmati faedah ini merupakan golongan yang berpendapatan kasar sehingga RM3,000.00. Perkara pokok melalui skim ini adalah memberi peluang kepada golongan belia untuk memiliki rumah sendiri, sejajar dengan hasrat Kerajaan Malaysia untuk meningkatkan

pemilikan rumah di kalangan rakyat Malaysia. Kesempatan ini perlulah diambil oleh golongan belia yang layak untuk menyertai skim ini. Jika pada suatu ketika dahulu, untuk memiliki rumah di kawasan Lembah Kelang ataupun di mana sahaja kawasan bandar, adalah hampir mustahil untuk pembeli yang masih belum berumahtangga. Kediaman-kediaman yang dibina di sekitar kawasan bandar dijual dengan harga yang tidak munasabah/terlalu tinggi malah di luar kemampuan. Oleh itu, sebagai pilihan terakhir untuk dimiliki adalah perumahan di kawasan setinggan atau menyewa di kawasan pinggir bandar. Kedua-dua kawasan tersebut tidak membantu malah ia merupakan kawasan berisiko. Sebagai contoh kawasan setinggan seringkali terdedah dengan masalah banjir, keselamatan kawasan yang tidak kondusif dan pelbagai masalah lain yang timbul. Manakala dalam situasi

menyewa pula, sebahagian besar pendapatan telah disumbang kepada tuan rumah. Sekiranya sewa dikongsi dengan rakan-rakan atau individu lain, elemen privasi pula menjadi taruhan. Akhir sekali pilihan yang ada adalah

*bersambung*





sambungan

untuk memiliki rumah kos rendah. Syarat asas untuk memohon rumah kos rendah adalah perlu berkeluarga dan pendapatan isi rumah RM2,500.00. Sudah pasti pemohon-pemohon bujang yang mempunyai pendapatan kurang daripada yang telah ditetapkan adalah tidak layak sama sekali. Persoalannya, di manakah golongan-golongan ini hendak mengadu nasib.

Dalam konteks ini, golongan belia yang dianggarkan seramai 12.52 juta yang layak untuk menyertai skim ini, perlulah merebut peluang ini. Sekiranya bagi pemohon yang masih bujang dan layak, maka peluang untuk memiliki sebuah rumah sedang terbuka luas. Sudah pasti sebelum membeli rumah, beberapa elemen diambil kira seperti lokasi, jenis rumah, pulangan

pelaburan dan yang paling penting adalah kemampuan untuk membayar balik pinjaman. Di sebalik kehairahan untuk memiliki rumah pertama, kelebihan ada pada individu bujang. Ini bermakna golongan ini bakal memiliki 2 aset setelah berkahwin jika pasangan pilihan bijak melakukan perkara sama.

Walaupun bagaimanapun, kerajaan haruslah mengambilkira tentang 'supply and demand'. Sekiranya sambutan terhadap skim ini amat menggalakkan, maka kawalan yang lebih komprehensif adalah menjadi lebih penting. Pemaju-pemaju perumahan akan mengambil kesempatan dengan menaikkan harga pembinaan sekaligus memberi kesan kepada industri hartanah negara. Begitu juga dengan kualiti pembinaan serta yang akan

dikurangkan semata-mata untuk mengaut keuntungan. Masalah-masalah seperti retak, kebocoran paip, hasil kerja yang lemah pasti akan memberi kesan kembali kepada Kerajaan.

Oleh itu, dengan pendekatan baru yang cuba diimplikasikan, usaha secara berterusan agar segenap pelusuk golongan rakyat terutamanya belia mendapat manfaat daripada transformasi serta Dasar Ekonomi Baru (DEB) dapat diteruskan agar kekayaan negara dapat dikongsi bersama sekaligus menjadikan Malaysia sebuah negara maju 2020.

Oleh: Affandy Muhammad Aroff

## Cetusan Ketua Pengarang

Kini kita telah berada dalam tahun 2012. Peredaran zaman kini tidak dinafikan telah dipengaruhi oleh pelbagai acuan transformasi.

Apatah lagi disulami dengan gelombang kecanggihan teknologi yang sentiasa 'up to date' dari semasa ke semasa. Kematangan dan gaya pemikiran manusia juga pastinya terbentuk dalam tahap yang berbeza berdasarkan cara pergaulan, keadaan sekeliling dan sebagainya. Namun kematangan dalam setiap generasi mampu membawa jurang antara generasi ke arah yang lebih positif.

Walaupun wujud Jurang Antara Generasi dalam kehidupan kita, dengan pengembelangan dari segala aspek antara setiap generasi yang berbeza usia ini mampu membantu dalam pembangunan belia yang positif. Khususnya dalam merancang, membentuk dan mengaplikasi sesuatu pembangunan seperti contoh-contoh yang telah disentuh dalam setiap artikel yang dimuatkan dalam Buletin Fakta IPPBM edisi pada kali ini.

Justeru itu, IPPBM telah meninjau hasrat hati, harapan dan bebanan hidup yang diharungi oleh Gen X dan Gen Y di Malaysia menerusi kajian yang dijalankan. Menerusi kajian tersebut, jelas menunjukkan bahawa keutamaan dalam hidup bagi setiap generasi adalah berbeza. Generasi X berada di dalam kumpulan yang melihat kedudukan kewangan, pekerjaan dan perumahan sebagai tiga isu utama yang perlu diberi fokus. Generasi 'baby boomers' melihat keselesaan tempat bekerja, peluang perniagaan dan percutiaan sebagai gaya hidup. Kesemua jurang ini menuntut agar usaha memahami aspirasi dan kehendak generasi Y oleh generasi 'baby boomers' dan generasi 'builder' perlu dipertingkatkan lagi agar pertembungan jurang antara generasi dapat dielakkan. Sebagai contoh, generasi 'builder' dan generasi 'baby

boomer' melihat komputer hanya sebagai alat yang dapat memudahkan kerja dan urusan rasmi seharian mereka. Mereka mungkin kurang dari satu jam atau tidak langsung menggunakan komputer selepas waktu pejabat. Manakala generasi X pula melihat komputer sebagai peluang 'medan perniagaan' yang sangat tinggi pulangan dan mempunyai pasaran yang luas. Manakala generasi Y melihat komputer sebagai sebahagian dari hidup mereka. Mereka menjadikan komputer sebagai rakan kongsi dalam semua tindakan mereka sama ada dari segi perhubungan, melahirkan pendapat, menyimpan berbagai rujukan dan kenangan, dan kesemua urusan harian bersama komputer dan rakan sebaya.

Menyadari betapa perlunya satu 'platform' untuk merapatkan jurang di samping menyemai elemen-elemen membimbing, maka IPPBM bersama ITYM memperkenalkan *Virtual Youth Resource Centre* (VyREC) yang telah ditubuhkan hasil daripada inisiatif Makmal Transformasi Pembangunan Belia. Vyrec merupakan salah satu program KBS untuk belia. Kini, belia boleh melayari portal interaktif VyREC yang akan berperanan sebagai *one stop center* untuk melihat pelbagai maklumat, program dan sebagainya yang dikhususkan untuk golongan Belia Malaysia. Di samping Vyrec juga akan sentiasa berusaha untuk menjadi medan perjumpaan maya generasi Y yang akhirnya membentuk satu komuniti yang berkomunikasi, bermaklumat lagi bertanggungjawab.

Selamat Tahun baru 2012!

Zakariah Md. Sam  
Ketua Pegawai Operasi IPPBM

### Sidang Redaksi

#### Penaung

YB. Dato' Ahmad Shabery Bin Cheek  
Menteri Belia dan Sukan Malaysia

#### Penasihat

Ketua Pegawai Eksekutif

#### Ketua Pengarang

Hj. Zakariah Md. Sam

#### Ketua Editor

Nadya Shaffinaz Bajuri

#### Sidang Redaksi

Suraya Sulaiman  
Zul Fadhli Abd Aziz  
Mastura Mohamad  
Shariffah Mamat  
Shahhanim Yahya  
Nor Hamidah Hamzah  
Nuurul Mizaan Ya'cob  
Affandy Muhammad Aroff

#### Publisiti

Raja Shahida Raja Hassan  
Ariffin Abdul Rahman

Sila hantarkan sebarang komen dan pertanyaan anda kepada

[info@ippbm.gov.my](mailto:info@ippbm.gov.my)

# Artikel Penyelidikan

**Tajuk Kajian :** Tinjauan Umum Mengenai Senarai Hasrat Hati, Harapan Dan Bebanan Hidup Generasi Belia Kelompok Usia 21 Hingga 40 Tahun

**Penyelidik :** Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IPPBM)

**Tahun :** 2011

**Disunting oleh :** Zul Fadhi Abd Aziz

Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IPPBM) telah mengambil inisiatif bagi melaksanakan penyelidikan berhubung kajian tinjauan umum mengenai hasrat hati, harapan dan bebanan hidup generasi belia kelompok usia 21 hingga 40 tahun bersempena Hari Belia Negara 2011. Objektif utama kajian ini adalah:

- 1) Mengenal pasti keperluan hidup yang sangat diperlukan oleh generasi belia pada masa kini;
- 2) Mengenal pasti bentuk bantuan yang diharapkan oleh belia jika kerajaan boleh membantu untuk mencapai keperluan hidup belia pada masa kini;
- 3) Mengidentifikasi perkara atau keadaan yang telah diputuskan oleh kerajaan sama ada sedang dilaksanakan atau akan dilaksanakan tetapi telah menimbulkan kesusahan kepada generasi belia pada masa kini; dan
- 4) Jangkaan belia terhadap perkara yang mungkin akan berlaku di masa hadapan di dalam negara dan perkara tersebut telah merisaukan belia masa kini.

Metodologi bagi kajian ini adalah menggunakan kaedah 'online survey' dengan fokus responden adalah kepada belia yang berumur 21 hingga 40 tahun. Seramai 4,132 orang responden telah diambil sebagai sampel kajian. Persampelan kajian adalah mewakili semua negeri di seluruh Malaysia.

Berdasarkan kepada dapatan kajian bagi objektif pertama menunjukkan bahawa lima keperluan paling utama bagi responden adalah pekerjaan (23.7%), rumah (17.5%), kewangan (15.8%), pendidikan (15.8%) dan pengangkutan (6.3%).

Manakala dapatan kajian bagi objektif kedua pula menunjukkan bahawa 24.6% responden menyatakan bahawa bantuan kewangan seperti modal perniagaan, pinjaman peribadi, tingkatan pendapatan pekerja dan sebagainya adalah bentuk bantuan yang diharapkan oleh belia jika kerajaan boleh membantu untuk mencapai keperluan hidup belia pada masa kini. Kedua yang tertinggi pula adalah membuka peluang pekerjaan (23%), diikuti dengan menurunkan harga barang dengan lebih berpatutan (16.5%). Seterusnya 15.8% responden meminta kerajaan memberi bantuan pendidikan / pelajaran seperti biasiswa atau kelonggaran kemasukan ke universiti sebagai bentuk bantuan yang diharapkan oleh belia jika kerajaan boleh membantu dan yang kelima pula adalah skim bantuan / pinjaman perumahan (9%).


Selain itu, dapatan bagi objektif ketiga pula menunjukkan bahawa lima perkara atau keadaan yang telah diputuskan oleh kerajaan sama ada sedang dilaksanakan atau akan dilaksanakan tetapi telah menimbulkan kesusahan kepada generasi belia pada masa kini adalah peningkatan harga bahan api/bakar iaitu 18.8%. Ini diikuti pula dengan peningkatan harga barangan keperluan (15%), had umur pencen dilanjutkan (11.4%), sistem persekolahan tidak konsisten seperti isu PPSMI, subjek bahasa inggeris dan buku teks (11.3%) serta yang kelima ialah PTPTN seperti kadar faedah yang tinggi (9.3%).

Dapatan kajian bagi objektif yang terakhir menunjukkan majoriti (19.7%) responden menyatakan bahawa peningkatan kes gejala sosial perkara yang mungkin akan berlaku pada masa hadapan di dalam negara dan perkara tersebut telah merisaukan belia pada masa kini. Selain itu, seramai 15.1% responden menyatakan bahawa peningkatan bebanan hutang dan peningkatan kes jenayah (11%) sebagai perkara yang merisaukan mereka. Manakala isu perkauman/agama (9.3%) dan masalah politik (9.1%) juga adalah perkara yang merisaukan belia pada masa sekarang.


Berdasarkan kepada kajian yang telah dijalankan ini, dapat dirumuskan bahawa keperluan hidup belia pada masa kini adalah saling berkait rapat dengan bantuan kerajaan yang perlu diberikan kepada belia. Seterusnya juga beberapa tindakan kerajaan yang melibatkan belia tanpa disedari telah mengakibatkan keperluan belia terjejas.

Oleh yang demikian, keperluan para belia adalah asas kepada bantuan yang perlu diberikan kepada mereka dan ia juga adalah panduan untuk pihak kerajaan merancang dan melaksanakan program atau mana-mana perancangan pembangunan belia. Perancangan yang sesuai mampu mengurangkan kerisauan dan bebanan pada masa hadapan.

KEPERLUAN HIDUP BELIA



RESPON BELIA TERHADAP PERKARA/ KEADAAN YANG TELAH DIPUTUSKAN OLEH KERAJAAN





## Sudahkah anda mendaftar di Profil Belia Negara? Silalah layari <http://interaktif.kbs.gov.my/E-BELIA/>

Bagi anda yang sudah mendaftar, jangan lupa mengemaskinikan profil anda. Anda akan mendapat pelbagai info aktiviti yang dijalankan oleh Kementerian Belia dan Sukan dari semasa ke semasa.

## Fact Sheets: Generation Gap

### Definition of the Generation Gap

A generation gap is commonly perceived to refer to differences between generations that cause conflict and complicate communication, creating a "gap." Word maven William Safire provides this more positive definition: "Generation gap can be a frustrating lack of communication between young and old, or a useful stretch of time that separates cultures within a society, allowing them to develop their own character." From their position in the family, and with more life experience than younger family members, grandparents are uniquely poised to see that differences between generations can be positive for all those concerned.

### The Generation Gap Today

The generation gap that was so in evidence during the 60s has resurfaced, but it is not the disruptive force that it was during the Vietnam era, a 2009 study suggests. The Pew Research Center study found that 79% of Americans see major differences between younger and older adults in the way they look at the world. In 1969, a Gallup Poll found that a smaller percentage, 74%, perceived major differences. Today, however, although more Americans see generational differences, most do not see them as divisive. That is partly because of the areas of difference. The top areas of disagreement between young and old, according to the Pew Research Study, are use of technology and taste in music. Slightly behind these areas of difference are listed the following:

- Work ethic
- Moral values
- Respect for others
- Political views
- Attitudes toward different races and groups
- Religious beliefs.

### Differences But Little Division

If large differences between the generations exist, why don't they spawn conflict? The answer is twofold. First, the two largest areas of difference - technology and music - are less emotionally charged than political issues. The older generation is likely to be proud of the younger generation's prowess in technology rather than to view it as a problem. As for the musical differences, each generation wants its own style of music, and the older generation generally can relate to that desire. Second, in the other areas of difference, the younger generation tends to regard the older generation as superior to their own generation--clearly a difference from the 1960s with its rallying cry of "Don't trust anyone over thirty." According to the Pew study, all generations regard older Americans as superior in moral values, work ethic and respect for others.

In one area those surveyed did regard the younger generation as superior--in tolerance for different races and groups. A different survey by the Pew Research Center identifies "increasing acceptance of gays and lesbians" as a particular area of difference, with almost half of those up to age 49 seeing it as a good thing, but only 37% of those aged 50 to 64 agreeing and only 21% of those 65+.

SOURCE: <http://grandparents.about.com/od/grandparentingtoday/a/GenerationGap.htm>

Edited : Srikandi

## Ulasan Buku Pilihan




Tajuk : Menjadi Belia Cemerlang  
Penulis : Mohd. Ismail Mustari  
Penerbit : PTS Professional Publishing Sdn.Bhd.

Buku Menjadi Belia Cemerlang bertujuan untuk membantu belia dan pelbagai pihak yang berkaitan menggilap potensi intelek, fizikal, emosi, dan spiritual belia. Kehebatan tokoh-tokoh yang ditonjolkan di dalam buku ini daripada sudut ilmu pengetahuan, sikap sedia berkorban dan keyakinan tinggi sewajarnya dihayati oleh belia. Buku ini membincangkan persoalan belia daripada aspek:

- Pengertian dan pandangan para sarjana
- Tokoh-tokoh belia yang Berjaya
- Kemahiran yang diperlukan
- Perkembangan sahsiah: Teori dan faktor pengaruh
- Kajian masalah

Buku ini sesuai dibaca oleh para belia, pendidik, pegawai belia dan sukan, kaunselor, pemimpin masyarakat, ibu bapa dan masyarakat umum



Tajuk : Bridging The Generation Gap: How to Get Radio Babies, Boomers, Gen Xers, and Gen Yers to Work Together and Achieve More  
Penulis : Linda Gravett & Robin Throckmorton  
Penerbit : McGraw-Hill Higher Education

The key to making encounters between the generations successful is learning to understand the point of view of each generation and respect their differences. The individuals and organizations that do this will be the ones to succeed. This book will show you how. Authors Gravett and Throckmorton take a dynamic approach to the situation by writing in two distinct voices--as a Baby Boomer and a Gen-Xer--using a "point-counterpoint" approach to identify differences and similarities across generations. They share hands-on experiences, real-life cases, recommended solutions, and ground-breaking research on how members of any generation can better relate to minimize conflict, miscommunication, and wasted energy. You will learn what each generation thinks of the others and how each wishes the others viewed it. Bridging the Generation Gap is filled with strategies and solutions you can implement immediately to help build your own bridge between the generations.

# Social Enforcement For National Youth Awareness Program (SENYAP) 1.0

Oleh : Suraya Sulaiman

Program *Social Enforcement For National Youth Awareness 1.0* (SENYAP 1.0) ini merupakan satu pengisian aktiviti dalam Program *Virtual Youth Resources Centre* (VyREC) yang diwujudkan di bawah Inisiatif Makmal Transformasi Pembangunan Belia yang telah diadakan pada tahun 2010. Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IPPBMB) dengan kerjasama Gerakan Belia Teknologi Informasi telah mewujudkan satu portal khusus untuk golongan belia mendapatkan pelbagai maklumat berkaitan dengan belia di dalam portal tersebut yang boleh dilayari di [www.vyrec.my](http://www.vyrec.my).

Program SENYAP 1.0 ini telah diadakan pada 18 September 2011 bertempat di bilik Redang, Pusat Dagangan Dunia Putra, Kuala Lumpur. Program tersebut telah dihadiri seramai 52 orang *blogger-blogger* daripada seluruh negara. Program SENYAP ini merupakan satu program yang dilaksanakan bagi memberi kesedaran kepada *blogger-blogger* dan pengguna jaringan sosial agar menjadi orang tengah dan juga sukarelawan siber untuk membantu kerajaan dalam memperkasakan hubungan jaringan media sosial antara kerajaan dan belia.

**Antara beberapa objektif program SENYAP 1.0 ini diadakan adalah untuk :-**

1. Menjadi batu loncatan kepada pengguna jaringan sosial tegar untuk berinteraksi secara terus dengan Kementerian Belia Dan Sukan (KBS);
2. Menjadi saluran sebaran maklumat yang paling hampir dari belia untuk belia;
3. Menyediakan maklumat yang terus dan segar kepada belia secara maya;
4. Menggalakkan interaksi dan komunikasi yang positif di kalangan belia melalui saluran siber dan;
5. Memberikan peluang kepada golongan muda untuk menyumbangkan pandangan serta cadangan tentang perpaduan dan kesejahteraan masyarakat melalui saluran siber.

Program SENYAP 1.0 ini dimulakan dengan sesi *ice breaking* bagi memperkenalkan semua pesertayang hadir. Sesi diteruskan dengan sesi Pengenalan Inisiatif Makmal Transformasi Pembangunan Belia dan sesi ceramah jurang generasi, jurang sosial dan masa depan pembangunan belia. Peserta seterusnya dipecahkan kepada 5 kumpulan bagi aktiviti perbincangan. Kemudian disusuli dengan pembentangan mengenai perkara yang dibincangkan mengenai matlamat dan hala tuju program yang boleh membantu belia berkongsi maklumat dan aktiviti dalam portal VyREC ini.

Dengan penglibatan *blogger-blogger* dalam program SENYAP ini, diharapkan dapat membantu (KBS) menjayakan program VyREC ini dengan lebih berkesan. Selain itu, para peserta yang terdiri daripada *blogger-blogger* ini boleh bertindak sebagai medium perantaraan antara belia dan kerajaan. Ini merupakan satu daya usaha yang baik, di mana aktiviti belia boleh dikongsi secara terus kepada rakyat khususnya golongan belia.



## VyREC (*Virtual Youth Resource Center*)—<http://www.vyrec.my>

Pada masa kini, Malaysia tidak mempunyai satu pusat setempat yang bertindak sebagai *focal point* sebagai medium saluran maklumat berkaitan program-program, aktiviti dan isu semasa untuk golongan belia. Justeru itu, VyREC diwujudkan bagi memenuhi keperluan tersebut. Ia merupakan salah satu inisiatif Makmal Transformasi Pembangunan Belia, Kementerian Belia dan Sukan (KBS).

Kadar semasa penglibatan warga belia bersama KBS hanya dalam lingkungan 3%. Oleh itu, inisiatif ini adalah untuk mengurangkan jurang antara keperluan dan tawaran terhadap maklumat, data, program latihan dan aktiviti daripada agensi kerajaan, sektor swasta dan sebagainya. VyREC akan menjadi pusat rujukan yang akan merapatkan jurang dan penglibatan antara belia, kerajaan dan sektor swasta, dan bermatlamat untuk menyediakan pelbagai perkhidmatan sokongan kepada generasi muda.

VyREC akan bertindak sebagai satu jambatan dan fasilitator maklumat, di samping menyokong badan-badan kerajaan, sektor swasta dan agensi-agensi lain untuk memaksimumkan dan menyediakan maklumat yang lebih baik, jaringan komunikasi dan memberi pemahaman kepada belia.

VyREC juga adalah satu portal yang interaktif, menawarkan maklumat yang sentiasa dikemaskini dan mesra belia. Platform

media sosial dan keutamaannya akan dibuat eksklusif untuk belia Malaysia berasaskan elemen tempatan dan luar negara. Ia turut menyelaras segala maklumat yang diperlukan dan yang dikumpulkan, mudah dan cepat untuk dicapai, diiktiraf dan diterima dengan penglibatan kerajaan dan menyediakan prosedur standard untuk semua dasar dan undang-undang.

### Fungsi penubuhan VyREC :

- Menyediakan pusat maklumat setempat dalam bentuk 'virtual' bagi pelbagai maklumat semasa, akan datang dan program-program belia serta kajian-kajian berkaitan pembangunan belia yang disediakan oleh KBS.
- Kemudahan bagi mendapatkan pelbagai maklumat berkaitan 14 Kementerian yang terlibat dalam pembangunan belia, agensi-agensi kerajaan dan swasta serta lain-lain sektor yang menyediakan perkhidmatan atau program untuk generasi belia.
- Memberi bantuan dan panduan kepada golongan belia untuk memahami prosedur, polisi dan apa-apa perkara yang berkaitan dengan pembangunan belia.
- Menyediakan platform untuk para belia menyebarkan maklumat dan aktiviti berkonsep 'dari belia untuk belia'.

Oleh: Nor Hamidah Hamzah